

# DEWAN BAHASA

ديوان بهاس

MEMPERKAYA WAWASAN PEMBACA



MEDIA  
MEREVOLUSIKAN  
BAHASA

**BIL. 2 2017**

Semenanjung Malaysia	: RM6.50
Sabah/Sarawak	: RM7.00
Brunei Darussalam	: B\$6.50
Singapura	: S\$6.50

KK 499-91317 0217  
ISSN 1511-9092



9 771511 909069

02



DBP

<http://dwnbahasa.dbp.my>



# Kandungan

Dewan Bahasa Jilid 17 • BIL. 2 2017/1438H • KK499-91317-0217

## PUISI BAHASA

Senandika dengan  
Bahasaku

- *Za'im Yusoff*

2

## BICARA BAHASA

Memartabatkan Bahasa,  
Memurnikan Maklumat

- *Mohidin Haji Malek*

3

## AGENDA BAHASA

Media Merevolusikan  
Bahasa

- *Nur Qurratu Ain*

4

Struktur Mega, Makro dan  
Mikro dalam Penerbitan  
Bidang Leksikografi:

Satu Pengenalan

- *Mohamad Suhaizi Suhaimi*

8

Asal Usul Kata dalam  
Bidang Alam Sekitar

- *S. Nathesan*

12

.....

## PERANTAU BAHASA

Campa Alam Bumiku  
Sebuah Catatan Perjalanan

Melihat Alam Jawi

(Bahagian 2)

- *Muhamad Hanapi Jamaludin*

16

## FALSAFAH BAHASA

DIAM

- *Mohd Tarmizi Hasrah*

21

## WARKAH BAHASA

DARI KAMPUS

Sistem Penarafan

Bintang dalam

Pemeriksaan Bahasa

Kebangsaan

- *Vijayaletchumy Subramaniam*

- *Sivaneswary Sivaratanam*

26


## IKTIBAR BAHASA

Pengalaman Memajukan

Negara Bangsa di Denmark

- *Awang Azman Awang Pawi*

30



## PENTERJEMAHAN

Terjemahan sebagai Suatu

Proses dan Produk

- *Wan Halizawati Wan Mahmood*

.....

36

## WACANA JAWI

Huruf Hamzah dan Bunyi

Hentian Glotis

- *Munsiy Jawi*

40

## PEDOMAN KARYA

Prakata, Kata Pengantar

dan Pendahuluan

- *Jeniri Amir*

44



## DARIHAL BAHASA

Kata Majmuk dan  
Kekeliruan Ejaannya

- *Zaidi Ismail*

49

## PERISTIWA BAHASA

Permata Dua Negara

- *Suyuthi*

54



## WACANA FIKRAH UMMAH

Maqasid Syariah Penyumbang  
Pembangunan Ekonomi

- *Khairunnisa' Dalila*

56

## BUAL BAHASA

Dari Penyiar Berita ke

Guru Bahasa

- *Christine Ling*

58



## PETIKAN BAHASA

64

Apabila anda mengirimkan sebarang tulisan, sila catatkan nama sebenar (di samping nama pena, jika ada), nombor kad pengenalan, alamat, nombor telefon dan nombor akaun bank. Tanpa maklumat ini, tulisan yang dikirim kepada kami tidak akan disiarkan. Sila nyatakan sama ada makalah yang dihantar kepada *Dewan Bahasa* juga dihantar kepada penerbit lain. Sila alamatkan tulisan anda kepada:

Editor *Dewan Bahasa*,  
Bahagian Majalah,  
Aras 20, Menara Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Peti Surat 10804, 50926 Kuala Lumpur.



# Struktur Mega, Makro dan Mikro dalam Penerbitan Bidang Leksikografi:

## *Satu Pengenalan*

**B**idang linguistik dan bahasa telah lama bertapak sejak tahun 500 sebelum Masihi. Sejarah pengkajian ilmu linguistik ini telah bermula pada zaman Yunani, zaman Iskandariah, zaman Rom, zaman Pertengahan, zaman Peralihan (*Renaissance*), zaman Arab, zaman India, zaman linguistik perbandingan dan zaman linguistik moden. Justeru, pelbagai ilmu telah berjaya dilahirkan melalui bidang ini, termasuklah bidang leksikografi. Bidang ini didefinisikan sebagai perkara yang berkenaan dengan kerja yang menghuraikan semua atau beberapa makna sesuatu perkataan dalam satu bahasa atau lebih, sesuai dengan sifat dan ciri-ciri perkataan tersebut (Hartman, 1986). Namun begitu, leksikografi atau perkamusan masih boleh dikategorikan sebagai "bayi" dalam bidang linguistik dan bahasa. Hal yang sedemikian ini diperkuat lagi dengan tinjauan Collins (2001) bahawa antara tahun 1970 hingga 1980 telah membuktikan bahawa tiada kursus

leksikografi yang ditawarkan pada program linguistik peringkat pascasarjana di tiga buah universiti yang terkemuka dalam bidang tersebut. Menurut beliau lagi, inisiatif sendiri harus diambil sekiranya ingin mempelajari ilmu perkamusan yang sebenarnya memainkan peranan yang penting dalam hal memberikan sumbangan kepada bidang ini.

Leksikografi berkait rapat dengan kamus yang didefinisikan sebagai buku yang mengandungi senarai kata dalam suatu bahasa yang dilengkapi dengan makna dan maklumat ringkas tentang tatabahasa bahasa tersebut (Salinah, 2000:809). Sehubungan dengan itu, penghasilan kamus memiliki struktur yang tersendiri dan lazimnya dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu mega, makro dan mikro. Hal ini dikatakan demikian kerana, sesuatu penghasilan kamus bergantung pada keperluan pengguna sama ada kamus ekabahasa, kamus dwibahasa, serta kamus aneka bahasa. Selain itu, penyusun kamus juga



Selain itu, terdapat juga kamus yang turut memaparkan ilustrasi lukisan bagi beberapa kata masukan untuk memberikan unsur pemahaman yang lebih jelas kepada pengguna. Bahagian ini juga memaparkan jenis-jenis leksem dalam kata masukan yang akan dihuraikan dalam struktur kamus yang kedua, iaitu struktur makro.

memainkan peranan yang penting dalam penghasilan sesebuah kamus.

Kemunculan pelbagai jenis kamus kian pesat penerbitannya di pasaran sehinggalah bermacam jenis istilah seperti "terkini", "mutakhir", dan sebagainya digunakan untuk menunjukkan kesempurnaan kamus tersebut. Hal tersebut menyebabkan para pengguna sering terkeliru akan pilihan yang tepat mengikut keperluan masing-masing. Tambahan pula, dalam proses lalu lintas ilmu dan ledakan maklumat, banyak kosa kata baharu dicipta yang memungkinkan khazanah bahasa itu bertambah (Ibrahim, 1994:139). Oleh hal yang demikian, apabila sesebuah kamus diterbitkan, terdapat unsur leksikal lain yang muncul dan penyusun kamus terpaksa memilih proses morfologi yang dirumuskan, kesan daripada tatabahasa bahasa Melayu yang sedang menuju proses pemantapan.

Selain itu, menurut Bergenholtz dan Trap (1995), struktur kamus terdiri daripada lima bahagian, iaitu struktur makro, struktur mikro, struktur kerangka, struktur rujuk silang dan struktur akses. Namun begitu, tidak semua kamus memiliki semua struktur-struktur tersebut. Hal tersebut bergantung pada penyusun kamus itu sendiri yang melihat dari pelbagai aspek, termasuklah sasaran pengguna.

Kajian yang mendalam berkaitan dengan struktur kamus harus diperbanyak agar pengguna dapat membuat pilihan untuk memilih dan menggunakan kamus. Oleh hal yang demikian, struktur kamus yang baik dan lengkap terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu mega, makro dan mikro.

### Struktur Mega

Struktur mega melibatkan hubungan antara komponen utama di dalam kamus, iaitu bahagian hadapan, bahagian badan dan bahagian lampiran. Bahagian hadapan merupakan bahagian yang kurang diambil perhatian oleh pengguna kamus. Hal ini dikatakan demikian kerana pengguna lebih cenderung untuk menggunakan kamus sebagai medan mencari makna sesuatu perkataan berbanding melihat ruangan hadapan kamus. Justeru, penyusun kamus lazimnya membahagikan bahagian hadapan kepada beberapa ruangan seperti "Kata Pengantar", "Kependekan Kata" dan "Panduan Menggunakan Kamus" sebagai mukadimah penulisan untuk pengguna kamus. Istilah untuk tajuk ruangan yang digunakan merupakan kebebasan yang boleh diamalkan oleh penyusun kamus selagi maksudnya tetap sama.

Bahagian badan pula lazimnya memaparkan senarai kata kepala

atau *lemma* yang terdapat dalam kamus. Bahagian ini merupakan bahagian yang sering dirujuk oleh pengguna untuk mendapatkan definisi sesuatu kata. Lazimnya kata kepala dicetak dengan warna hitam agar memudahkan pengguna untuk mencari maklumat yang diperlukan. Cetakan *lemma* dihitamkan dan disusun pada ruangan kolom setiap muka surat, serta dikeluarkan sedikit susunannya ke kiri berbanding huraian bagi *lemma* tersebut. Selain itu, terdapat juga kamus yang turut memaparkan ilustrasi lukisan bagi beberapa kata masukan untuk memberikan unsur pemahaman yang lebih jelas kepada pengguna. Bahagian ini juga memaparkan jenis-jenis leksem dalam kata masukan yang akan dihuraikan dalam struktur kamus yang kedua, iaitu struktur makro.

Bahagian yang terakhir dikenali sebagai lampiran yang merupakan bahagian belakang bagi sesebuah kamus. Terdapat sesetengah kamus yang hanya membiarkan ruang kosong pada bahagian ini, namun hal tersebut bergantung pada jenis kamus. Sekiranya bersifat ringkas, bahagian ini akan diabaikan berbanding kamus yang terperinci yang akan menyediakan ruangan lampiran ini.

### Struktur Makro

Sterkenburg (2003) menyatakan bahawa struktur mikro merupakan





Sterkenburg (2003) menyatakan bahawa struktur mikro merupakan informasi yang diberikan pada setiap kata yang tersusun dalam kamus. Struktur ini memberikan maklumat tambahan setiap *lemma* yang terdapat dalam sesebuah kamus.

informasi yang diberikan pada setiap kata yang tersusun dalam kamus. Struktur ini memberikan maklumat tambahan pada setiap *lemma* yang terdapat dalam sesebuah kamus. Justeru, struktur ini melibatkan komponen entri seperti ejaan, sebutan, pengimbuhan, kelas kata, *senses*, definisi, contoh, penggunaan dan juga etimologi. Struktur makro yang terbaik digunakan ialah makro abjad. Hal ini bermaksud, *lemma* yang terdapat dalam kamus ini disusun mengikut turutan "huruf demi huruf" yang banyak digunakan dalam kamus tebitan terkini. Hal yang sedemikian ini dilihat memudahkan pengguna melakukan rujukan dalam kamus memandangkan maklumat penyusunan abjad telah ada pada penggunaannya.

Selain itu, kehadiran leksem turut membentuk struktur makro dalam sesebuah kamus. Leksem didefinisikan sebagai kata yang terdapat dalam pembendaharaan

kata sesuatu bahasa dan lazimnya muncul sebagai kata kepala dalam kamus. Justeru, leksem boleh dibahagikan kepada lima, iaitu satu kata, dua kata, tiga kata, singkatan, dan imbuhan, dan kamus ini memaparkan kelima-lima bahagian leksem tersebut.

### Struktur Mikro

Sterkenburg (2003) menyatakan bahawa struktur mikro merupakan informasi yang diberikan pada setiap kata yang tersusun dalam kamus. Struktur ini memberikan maklumat tambahan setiap *lemma* yang terdapat dalam sesebuah kamus. Justeru, struktur ini melibatkan komponen entri seperti ejaan, sebutan, kelas kata, *senses*, definisi, contoh, penggunaan, etimologi dan juga pengimbuhan.

#### (a) Ejaan

Menurut Harimurti (1993: 48), ejaan ialah penggambaran bunyi bahasa

dengan kaedah tulis-menulis yang distandardisasikan, yang lazimnya mempunyai tiga aspek, iaitu aspek fonologi yang melibatkan penggambaran fonem dengan huruf dan penyusunan abjad, aspek morfologi yang melibatkan penggambaran satuan morfem, dan aspek sintaksis yang melibatkan penanda ujaran berupa tanda baca. Oleh hal yang demikian, sistem ejaan ialah salah satu maklumat penting yang memberitahu pengguna tentang cara sesuatu kata dalam sesuatu bahasa itu ditulis dalam bahasa tersebut.

#### (b) Sebutan

Aspek sebutan mempunyai perkaitan rapat dengan aspek fonologi. Kebanyakan kamus menyajikan aspek sebutan ini dalam sistem



transkripsi. Dalam kamus British moden, transkripsi dilakukan dengan menggunakan sistem *International Phonetic Alphabet* (IPA). Namun begitu, perkataan yang sering digunakan dalam konteks sehari-hari lazimnya tidak akan diberikan transkripsi kecuali bagi penutur bukan natif yang ingin mempelajari sesuatu bahasa yang lain.

(c) Kelas Kata

Komponen entri jenis ini pula merupakan pengelasan kata kerja bagi setiap *lemma* yang disusun dalam sesebuah kamus. Kelas kata ini berfungsi untuk menyampaikan maklumat tatabahasa kepada pengguna yang lazimnya dipaparkan bersebelahan dengan *lemma*.

(d) Senses

Senses bermaksud pertalian makna antara kata masukan yang lazimnya memiliki dua atau lebih makna. Dalam konteks ini, Asmah Hj. Omar (1971) telah menyatakan, "*An entry does not fully fulfil its usefulness if it is only the meaning(s) and the grammatical explanation(s) that are given without the examples which illustrate its usage in certain contexts: sentence, phrase or word (in the case of an affixentry)*".

Hal ini bermaksud, istilah *senses* turut dikenali sebagai "ilustrasi" yang membawa maksud penggunaan kata berdasarkan contoh-contoh mengikut konteks tertentu untuk memberikan kefahaman kepada pembaca lain, khususnya mereka yang bukan penutur jati sesuatu

bahasa tersebut. Oleh hal yang demikian, maklumat ini penting dalam sesebuah kamus kerana setiap kata itu biasanya mempunyai makna yang lebih daripada satu selain daripada makna asal.

(e) Definisi

Pengguna kamus akan merujuk sesebuah kamus untuk mendapatkan maknanya. Hal ini diperkuat lagi dengan kenyataan Abdullah (1987:109) iaitu, pengguna juga merujuk sesebuah kamus untuk banyak jenis maklumat lain, tetapi pokoknya adalah untuk mendapatkan makna. Oleh hal yang demikian, salah satu daripada fungsi utama sesebuah kamus itu adalah untuk memberikan makna yang tepat terhadap sesuatu kata yang dikehendaki oleh penggunanya.

(f) Contoh

Komponen contoh dilihat sebagai salah satu unsur penting dalam sesebuah kamus. Hal ini dikatakan demikian kerana memaparkan contoh ayat bagi kata masukan mampu membantu pengguna mendapatkan gambaran jelas sesuatu kata.

(g) Penggunaan

Secara keseluruhannya, semua kamus mempunyai satu set pelabelan untuk menandai kata atau pilihan makna kata. Lazimnya, pelabelan ini terikat dengan konteks perkataan yang digunakan, dan hal yang sedemikian ini menunjukkan komponen penggunaan dalam sesebuah kamus.

(h) Etimologi

Etimologi atau asal usul kata ialah perubahan daripada segi bentuk atau makna kata yang dikesan sepanjang tempoh perubahannya dari bahasa sumbernya hingga bentuk atau maknanya dalam bahasa sasaran (Fadilah, 1994:5). Komponen etimologi diberikan dengan cara yang paling ringkas, iaitu meletakkan huruf singkatan bagi asal usul kata masukan tersebut.

Selain itu, lazimnya keterangan etimologi tidak diberikan selengkapnya, tetapi hanya sekadar untuk menyatakan bahasa sumber sesuatu perkataan yang sudah meresap ke dalam perbendaharaan bahasa Malaysia mahupun menjadi perkataan yang sering kali didengar.

(i) Pengimbuhan

Imbuhan merupakan proses morfologi yang paling dominan. Imbuhan mempunyai makna nahuan dan tiada kelas, tidak terikat pada kata dasar, serta tidak mengalami peluasan. Berdasarkan kamus kajian, pengimbuhan berlaku pada awalan dan juga akhiran, namun tidak dijadikan sebagai *lemma*.

Setelah dihuraikan ketiga-tiga struktur kamus tersebut, dapatlah diketahui bahawa untuk memilih kamus yang baik dan lengkap, seharusnya pengguna melihat aspek-aspek tersebut. Penggunaan kamus bukan sahaja untuk mencari definisi, malah pelbagai ilmu yang dapat diterokai melaluinya. Bidang penerbitan dalam bidang leksikografi juga haruslah digiatkan dengan melihat struktur-struktur yang telah dihuraikan tersebut. DB